

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI
ABDULLAH [PETALING JAYA]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 110

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pindaan undang-undang domestik untuk membenarkan pelarian-pelarian etnik Rohingya, warga Palestin, Syria dan juga Muslim Sri Lanka untuk mendapat pekerjaan yang sah dan selamat, pendidikan dan juga khidmat hospital awam.

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Berhubung isu berkaitan kebenaran bekerja kepada pelarian, dasar sedia ada Kerajaan adalah tidak membenarkan pemegang kad UNHCR untuk bekerja secara sah di Malaysia. Mereka juga tidak boleh terlibat dalam sebarang bentuk pekerjaan berbayar, atau dalam sebarang perniagaan atau pekerjaan profesional. Namun atas dasar kemanusiaan, mereka dibenarkan bekerja di dalam sektor-sektor tidak formal untuk tujuan sara hidup.
2. Perkara ini dinyatakan dalam Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23: Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR (2009). Arahan ini merupakan satu-satunya mekanisme pengurusan pelarian di negara ini. Setakat ini Kerajaan belum lagi menggubal suatu undang-undang khusus untuk mengurus golongan pelarian di negara ini.

3. Walau bagaimanapun, dasar sedia ada yang tidak membenarkan pelarian bekerja di negara ini sedang dikaji dan diperhalusi oleh Kerajaan bagi mengenalpasti samada ia perlu dikekalkan atau dipinda. Kajian ini perlu dibuat dengan teliti bagi memastikan kepentingan rakyat dan negara dapat dipelihara sewajarnya.

4. Oleh yang demikian, buat masa ini, majikan tidak dibenarkan menggaji pelarian kecuali etnik Rohingya di bawah Projek Perintis Kebenaran Bekerja dalam sektor perladangan (Sime Darby Plantation Berhad) dan perkilangan (Gardenia Bakeries) sebagaimana keputusan Jemaah Menteri bertarikh 2 Mac 2016.

5. Dari segi kesihatan, pelarian di negara ini diberi kemudahan untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diskaun sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Bagi tempoh antara 2013 sehingga Sept 2018, sejumlah 43,516 orang pelarian telah direkodkan mendapat perkhidmatan perubatan di hospital – hospital awam milik kerajaan. Bagi tempoh antara Januari sehingga September 2018 sahaja, daripada 4,628 orang pelarian yang menerima perkhidmatan kesihatan di hospital awam milik kerajaan, 1,068 orang daripadanya tidak menjelaskan bil rawatan hospital mereka dan kerajaan terpaksa menanggung tunggakan bil berjumlah RM 1.249 juta; dan

6. Akhir sekali, dari segi pendidikan, pelarian dibenarkan mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di sekolah swasta atau Pusat Pendidikan Alternatif (*Alternative Learning Centre – ALC*) yang dikendalikan oleh pihak NGO, komuniti pelarian dan UNHCR sendiri. Sehingga kini terdapat sejumlah 65 buah Pusat Pendidikan Alternatif telah wujud di Malaysia.

Sekian, terima kasih.